

07 OCT 2000

Effendi-Graduan

GRADUAN DISARAN JADIKAN MALAYSIA NEGARA BERDAYA SAING

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Graduan institusi pengajian tinggi harus berusaha untuk membantu Malaysia menjadi negara yang berdaya saing dalam era globalisasi, kata Menteri Pertanian Datuk Dr Effendi Norwawi hari ini.

Beliau berkata minda mereka harus cepat dan bersedia untuk menyesuaikan dengan pelbagai cabaran yang menanti di dunia luar.

"Minda anda harus bersifat kreatif dan inovatif kerana negara memerlukan kekuatan pengetahuan kolektif," kata beliau ketika berucap pada majlis penyampaian ijazah Lincoln University (New Zealand) International di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bangi.

Effendi juga berkata mereka harus bersedia untuk menghadapi kegagalan dalam usaha untuk erjaya kerana ini akan membantu memperkukuhkan perwatakan mereka.

Lebih 160 pelajar menerima ijazah masing-masing, terutama dalam pengajian perdagangan dan pengurusan hasil kerjasama antara Lincoln University dan Uniten.

Timbalan Rektor Uniten Profe Dr Ir Zainul Abidin Mohd Shariff memberitahu hadirin bahawa universiti itu telah melaksanakan projek fasa tiga termasuk pembinaan bangunan College of Business and Management serta College of IT yang dijadualkan siap pada 2002.

Beliau berkata ini bermakna Tenaga Nasional Bhd perlu menyuntik sebanyak RM300 juta lagi bagi pembinaan infrastruktur, menjadikan jumlah pelaburan melebihi RM1 bilion.

Zainul Abidin berkata perkongsin Uniten-Lincoln bermula pada 1994 dan sejak itu, lebih 500 pelajar telah memperolehi ijazah.

Uniten dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jun lepas.

-- BERNAMA

MAM HS FAZ